

Pengisytiharan darurat Berita Harian, 13/1/2021, MRS 2

# Darurat tangani wabak COVID-19

Kira-kira 80 negara seluruh dunia ambil langkah sama tangani pandemik

Oleh Zanariah Abd Mutalib, Mohd Nasaruddin Parzi dan Luqman Arif Abdul Karim bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, semalam berkenan mengisytiharkan Proklamasi Darurat berkuat kuasa sehingga 1 Ogos ini, sebagai langkah proaktif menangani pandemik COVID-19 secara lebih berkesan.

Al-Sultan Abdullah berpandangan, penularan wabak COVID-19 di negara ini, kini berada pada tahap amat kritikal hingga ada keperluan Pengisytiharan Proklamasi Darurat berdasarkan Fasal (1) Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan.

Seri Paduka juga memberi perkenan itu selepas mengambil kira rundingan baginda dengan Raja-Raja Melayu dan keselamatan diri rakyat di beberapa negeri yang turut mengharungi bencana banjir serta kepentingan negara.

Serentak proklamasi itu, baginda turut berkenan terhadap cadangan kerajaan bagi pembentukan sebuah Jawatankuasa Bebas dianggotai Ahli Parlimen kerajaan dan pembangkang serta pakar kesihatan dan yang berkait.

Jawatankuasa itu akan mengesyorkan kepada Al-Sultan Abdullah, sekiranya pelaksanaan perintah darurat terbabit dapat ditamatkan lebih awal daripada tarikh berkenaan.

Dalam kenyataan media mengu-

mumkan proklamasi yang diperkenankan Seri Paduka itu, Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara, Datuk Ahmad Fadil Shamsuddin, berkata baginda gusar terhadap kenaikan mendadak jangkitan COVID-19 di seluruh negara.

"Sekiranya tidak dibendung dan dikawal dengan berkesan, ia akan memudaratkan kesihatan rakyat dan kesejahteraan negara.

"Sehubungan itu, Al-Sultan Abdullah menasihati rakyat supaya bertenang, tabah dan cekal menghadapi pelaksanaan darurat ini dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) demi keselamatan serta kepentingan bersama," katanya.

Seri Paduka turut menyeru rakyat bersama berdisiplin mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dan semua perintah ditetapkan kerajaan serta agensi berkaitan ketika pelaksanaan darurat dan PKP ini.

"Al-Sultan Abdullah turut menzahirkan harapan agar vaksin COVID-19 yang bakal diterima kelak, akan melandaikan keluk pandemik, sekali gus memutuskan transmisi COVID-19 di Malaysia.

"Baginda mengambil kesempatan menzahirkan setinggi penghargaan kepada wira dan wira-wati petugas barisan hadapan yang bersabung nyawa serta bertungkus lumus tanpa mengira penat lelah dan masa dalam memikul tanggungjawab memerangi wabak COVID-19," katanya.

Justeru, Ahmad Fadil berkata, Al-Sultan Abdullah mengajak rakyat bersama baginda mendoakan semoga Malaysia sentiasa dilindungi dari segala bentuk ancaman dan wabak ini dapat dibendung dengan berkesan serta diakhiri segera.

Beliau berkata, Seri Paduka memberi perkenan Pengisytiharan Proklamasi Darurat selepas menerima menghadap Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin

Yassin di Istana Negara, petang kelmarin.

Pada sesi menghadap selama 45 minit itu bermula jam 5.30 petang, selain memperhalusi penjelasan Perdana Menteri yang mempersembahkan keputusan Mesyuarat Kabinet, baginda turut mendengar sembah taklimat daripada Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Turut menyembah taklimat ialah Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun; Panglima Angkatan Tentera, Tan Sri Affendi Buang; Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador; Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya, Datuk Abdul Ghani Salleh.

Pelaksanaan darurat bagi menangani pandemik COVID-19 bukan sesuatu yang baharu. Sehingga Oktober tahun lalu, hampir 80 negara sudah melaksanakan darurat kesihatan bagi melindungi rakyat masing-masing daripada ancaman wabak itu.

Centre for Civil and Political Rights (CCPR) pertubuhan bukan kerajaan yang berpangkalan di Geneva, Switzerland, yang mempromosikan hak berpolitik dipelihara dan dihormati tanpa prasangka, mendedahkan antara negara melaksanakan perintah itu termasuk Australia, Sepanyol, Perancis, Finland, Indonesia, Filipina, Jepun dan Thailand.

Sementara itu, Muhyiddin dalam perutusan khas menjelaskan, darurat diisytiharkan Yang di-Pertuan Agong itu bukanlah satu bentuk rampasan kuasa tentera.

"Perintah berkurung juga tidak akan dilaksanakan, sebaliknya sepanjang tempoh darurat pentadbiran awam peringkat negeri dan Pusat akan berjalan seperti biasa.

"Memandangkan dunia sedang berhadapan ancaman pandemik



Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah

COVID-19 yang secara langsung menjadi ancaman besar terhadap kehidupan ekonomi rakyat negara ini, suatu pengisytiharan darurat boleh dibuat Yang di-Pertuan Agong berhubung perkara ini.

"Kes jangkitan COVID-19 semakin meningkat tanpa tanda penurunan dalam masa terdekat. Kerajaan perlu mempunyai kuasa tertentu bagi membendungnya dengan lebih berkesan dan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat tidak lumpuh," katanya.

Beliau berkata, Proklamasi Darurat membolehkan beberapa Ordinan dimasyhurkan mengikut Fasal (2B) Perkara 150 bagi memperuntukkan kuasa perlu untuk mengekang dan menghalang berlakunya penularan wabak lebih serius di negara ini.

Muhyiddin memberi jaminan badan kehakiman akan terus berfungsi menegakkan hukum dan keadilan sepanjang tempoh darurat dikuatkuasakan di negara ini.

"Saya tidak akan sekali-kali mencampuri urusan mahkamah. Kerajaan Perikatan Nasional (PN) akan terus mempertahankan kebebasan badan kehakiman. Aktiviti ekonomi akan terus berfungsi mengikut SOP dan PKP yang berkuat kuasa.

"Kerajaan komited memastikan amalan governans terbaik terus

diamalkan sepanjang darurat dengan organisasi kawal selia negara yang diiktiraf di peringkat antarabangsa iaitu Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia, akan terus memainkan peranan sebagai pemangkin, pengawal selia serta pemudah cara syarikat dan pasaran," katanya.

Pakar Perlembagaan, Dr Muhammad Fathi Yusof, pula menyifatkan pengisytiharan darurat yang diperkenankan Yang di-Pertuan Agong adalah pendekatan mengatasi masalah penularan COVID-19 dengan cepat, tegas dan menyeluruh.

Katanya, proklamasi itu akan membolehkan kerajaan membendung penularan COVID-19, tanpa terikat dengan sekatan pentadbiran dan birokrasi.

Sementara itu, Presiden Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM), Tan Sri Soh Thian Lai, menyambut baik langkah kerajaan membenarkan operasi perniagaan terus dijalankan sepanjang tempoh darurat.

Akur sepenuhnya keputusan Yang di-Pertuan Agong melaksanakan darurat bagi membendung penularan COVID-19, FMM yakin vaksin yang akan diterima dengan pelaksanaan PKP, berkesan memutuskan rantaian penularan pandemik itu.

KRONOLOGI DARURAT DI MALAYSIA	
<p><b>1948-1960</b></p> <p><b>Darurat Tanah Melayu</b></p> <p>Diisytiharkan British di Malaya (Semenanjung Malaysia) dari 1948-1960 bagi menangani pemberontakan oleh Parti Komunis Malaya.</p>	<p><b>1964</b></p> <p><b>Konfrontasi Indonesia-Malaysia</b></p> <p>Perdana Menteri Malaysia Pertama Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengisytiharkan darurat apabila tentera Indonesia menceroboh masuk ke sempadan Malaysia.</p>
<p><b>1977</b></p> <p><b>Kelantan</b></p> <p>Darurat diisytiharkan Yang di-Pertuan Agong Sultan Yahya Petra pada 8 Nov 1977 susulan krisis politik melibatkan Menteri Besar Kelantan Datuk Muhammad Nasir.</p>	<p><b>1966</b></p> <p><b>Darurat Sarawak</b></p> <p>Kerajaan mengisytiharkan proklamasi Darurat di Sarawak pada 14 Sept 1966 susulan krisis politik melibatkan Kerajaan Persekutuan &amp; Ketua Menteri Sarawak pertama Tan Sri Stephen Kalong Ningkan.</p>
<p><b>1997, 2005, 2013</b></p> <p><b>Darurat Jerebu</b></p> <p>Darurat diisytihar pada 1997 (Sarawak), 2005 (Klang) &amp; 2013 (Muar &amp; Ledang) susulan pencemaran udara yang berbahaya &amp; tidak sihat.</p>	<p><b>1969</b></p> <p><b>Rusuhan kaum 13 Mei</b></p> <p>Parlimen digantung &amp; Majlis Gerakan Negara ditubuhkan untuk mengembalikan keamanan &amp; kestabilan dalam negara selepas peristiwa 13 Mei</p>
<p><b>2020</b></p> <p><b>Darurat Parlimen Batu Sapi</b></p> <p>Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah mengisytiharkan darurat di Parlimen Batu Sapi pada 18 Nov 2020</p>	<p><b>2020</b></p> <p><b>Darurat di Parlimen Gerik dan DUN Bugaya</b></p> <p>Al-Sultan Abdullah berkenan mengisytiharkan Proklamasi Darurat di Parlimen Gerik, Perak &amp; Dewan Undangan Negeri (DUN) Bugaya, Sabah pada 16 Dis 2020</p>
<p><b>2021</b></p> <p><b>Pengisytiharan Proklamasi Darurat</b></p> <p>Al-Sultan Abdullah memberi perkenan Pengisytiharan Proklamasi Darurat dilaksanakan sehingga 1 Ogos sebagai langkah proaktif membendung wabak COVID-19 di Malaysia</p>	